

09 APR 1999
HOTEL-PULIH
HOTEL TERKEMUKA M'SIA AKAN PULIH TAHUN DEPAN

SINGAPURA, 9 April (Bernama) -- Hotel-hotel terkemuka Malaysia' dijangka akan mengalami pemulihan mantap tahun depan apabila aktiviti perniagaan meningkat dan Koridor Raya Multimedia (MSC) beroperasi, demikian menurut kumpulan Jones Lang LaSalle Hotels.

Pertumbuhan kedatangan pelawat antarabangsa yang positif akan kembali dengan pemasaran aktif agensi penggalakkan pelancongan kerajaan, Pelancongan Malaysia.

"Penyusutan nilai ringgit Malaysia berikutan aliran keluar modal yang besar dari ekonomi akan menjadikan lawatan ke Malaysia menarik.

"Bagaimanapun, isu-isu serantau dan domestik pada separuh kedua 1997 telah memberi kesan negatif kepada permintaan. Isu-isu ini kebanyakannya telah berkurangan dan dengan pemasaran pro-aktif Pelancongan Malaysia, kedatangan pelawat antarabangsa akan kembali kepada pertumbuhan positif," kata Antony Karp, Naib Presiden Jones Lang LaSalle Hotels, kumpulan perkhidmatan perhotelan dan harta pelancongan, yang berpangkalan di sini.

Aktiviti perniagaan di Malaysia dijangka meningkat lagi memandangkan sokongan teguh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membangunkan MSC yang dijangka menarik ramai pelabur asing dan merangsang sektor tempatan, katanya.

Menurutnya, hotel-hotel terkemuka di Kuala Lumpur menarik jumlah tetamu korporat yang besar sekitar 60 peratus. Ini diikuti oleh pengembara liburan sebanyak 20 peratus.

Tahun lepas, kedatangan pelawat antarabangsa ke Malaysia merosot 16.1 peratus daripada 5.2 juta berbanding jumlah puncak 7.5 juta orang 1995.

Jones Lang LaSalle Hotels menyatakan tahun lepas, industri hotel di 14 pasaran Asia, termasuk Kuala Lumpur jatuh 21.5 peratus.

"Kecuali, Phuket - setiap pasaran pasaran di Asia jatuh pada 1998," kata Karp.

Jakarta merupakan pasaran yang paling teruk dipengaruhi dengan pulangan bilik jatuh 62 peratus. Ini diikuti pula oleh Kuala Lumpur dan Bali (39 peratus), Shanghai (36 peratus), Manila (32 peratus), Singapura (24 peratus), Beijing (21 peratus), Seoul (16 peratus), Hong Kong (15 peratus), New Delhi (14 peratus), Tokyo (12 peratus) dan Mumbai (11 peratus).

-- BERNAMA
TCL JR MA